

Bencana hujan

Banjir kilat,
2 juta kenderaan
terperangkap



ATAS: Pemandu Nissan Serena yang cedera parah.

KIRI: Pasukan penyelamat mengalihkan pokok tumbang yang menghempap kereta yang dipandu seorang wanita di Jalan Tun Razak semalam.

HUJAN lebat semalam bukan saja menyebabkan warga kota sengsara terperangkap dalam banjir kilat malah seorang wanita cedera parah ditimpa sebatang pokok tumbang di Jalan Tun Razak berdekatan bangunan RHB Bank.

Akibatnya wanita yang memandu Nissan Serena seorang diri itu cedera teruk di kedua-dua belah kakinya kerana pokok besar tersebut menghempap bahagian hadapan keretanya.

▶ BERITA LANJUT DI MUKA 8



BEBERAPA buah kereta yang terkandas akibat banjir kilat di Jalan Sungai Besi berhampiran Salak Selatan semalam.

DUA orang meredah banjir kilat di Jalan Lima off Chan Sow Lin semalam.

Hujan lebat satu jam, ibu negara kelam kabut 2 juta kenderaan terperangkap

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN dan MOHD. AZIZI ABD. MAJID
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Tempoh satu jam hujan lebat beserta ribut petir sudah cukup membuatkan ibu negara lumpuh sehingga ada insiden hampir meragut nyawa warga kota.

Hujan lebat berserta angin kencang itu bermula pukul 4.45 petang dan ketebulan pula ramai warga kota semasa itu baru keluar pejabat.

Semua jalan keluar masuk ibu kota tidak boleh dilalui kerana kebanyakan jalan ditenggelami air dan beberapa batang lagi disebabkan pokok tumbang.

Insiden hampir meragut nyawa pula berlaku di Jalan Tun Razak berhadapan bangunan RHB Bank. Seorang wanita Cina berusia dalam lingkungan 30-an yang memandu kereta Nissan Serena cedera teruk akibat keretanya dihempap sebatang pokok besar.

Semasa kejadian pukul 5.30 petang, wanita tersebut mengalami cedera teruk di kedua-dua belah kakinya termasuk badannya akibat terkena pokok tumbang itu.

Beberapa orang lagi yang menaiki tiga buah kereta lain turut cedera akibat

ditimpa pokok sama.

KOSMO! yang sampai di tempat kejadian melihat wanita itu berlumuran darah bukan setakat badannya tetapi mukanya.

Dia diselamatkan oleh enam anggota bomba yang terpaksa memotong keretanya menggunakan gergaji rantai selepas tersepit selama setengah jam. Dia dihantar ke Hospital Kuala Lumpur.

Sementara itu, Saadon Osman, 46, yang dalam perjalanan untuk menghantar dokumen ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bersama rakannya, Mohd. Ismail Mohd. Noor, 37, turut cedera dihempap pokok sama.

Saadon berkata, kereta jenis Hyundai Exxon yang dinaiki mereka tiba-tiba dihempap pokok yang tumbang selepas keluar dari terowong di Jalan Tun Razak.

"Paha kanan saya cedera tetapi rakan saya bernasib baik kerana tidak cedera," katanya.

Dalam kejadian itu, kereta Hyundai Exxon milik Saadon remuk teruk dan terpaksa ditunda dengan trak penunda.

Poko tumbang juga berlaku di sekitar Jalan Cheras terutama berhadapan Cheras Leisure Mall.

Jurucakap bilik gerakan bencana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

berkata, keadaan banjir kilat yang disifatkan kritikal itu mengakibatkan bilik gerakan bencana kelam kabut menerima panggilan.

"Kami terpaksa mengerahkan seramai mungkin Pasukan Kecemasan, Unit Trafik dan Unit Trak Penunda untuk membantu semua kenderaan yang terperangkap," kata beliau.

Antara jalan-jalan yang dinaiki air ialah Jalan Sungai Besi, Jalan Lima Off Chan Sow Lin, Jalan Cheras, Jalan Peel, Jalan Jelatek dan Jalan Tun Razak.

Ada antara kereta yang tenggelam dan banyak lagi tersadai akibat dimasuki air.

Tambah jurucakap DBKL itu lagi, pihaknya menganggarkan hampir 2 juta kenderaan terperangkap banjir kilat tersebut. Keadaan di ibu negara hanya pulih seperti sedia kala selepas pukul 10 malam.

Sementara itu, jurucakap polis trafik pula berkata, dalam keadaan kelam kabut itu tidak ada kemalangan maut dilaporkan.

Selain pokok tumbang, polis juga menerima maklumat terdapat papan iklan di Pandan Indah tumbang.

Bagaimanapun komuter dan sistem aliran transit ringan (LRT) tidak terjejas akibat hujan lebat tersebut.

KOSMO 25/8